# PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

## Pertumbuhan mampan pada suku pertama

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 4.6% pada suku pertama 2011, didorong oleh permintaan dalam negeri yang teguh dan pengembangan permintaan luar negeri yang lebih kukuh. Pengembangan permintaan dalam negeri yang teguh disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Permintaan luar negeri pula mencatat prestasi yang bertambah baik pada suku tersebut disokong oleh permintaan serantau terhadap komoditi dan produk bukan E&E. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi utama, kecuali sektor komoditi utama, terus berkembang pada suku pertama, namun pada kadar yang lebih sederhana.

## Permintaan dalam negeri terus berkembang

**Permintaan dalam negeri** telah berkembang sebanyak 6.6% pada suku pertama (S4 10: 5.9%), disokong terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta dan penggunaan sektor awam.

**Penggunaan swasta** meningkat sebanyak 6.7% pada suku pertama (S4 10: 6.4%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang mampan, sentimen pengguna yang positif dan kenaikan pendapatan yang berterusan. Perbelanjaan pengguna turut dirangsang oleh promosi jualan yang diadakan pada awal suku pertama bersempena dengan sambutan perayaan. Penunjuk penggunaan utama seperti jualan kereta penumpang, perbelanjaan kad kredit dan pemberian pinjaman bank untuk penggunaan terus menunjukkan trend positif yang kukuh, mencerminkan aktiviti penggunaan yang mantap pada suku pertama. Walaupun Indeks Sentimen Pengguna MIER suku pertama lebih rendah pada 108.2 mata (S4 10: 117.2 mata), ia kekal melebihi penanda aras 100 mata sebagai mencerminkan keyakinan pengguna yang terus positif.

**KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)**

| | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | |
| Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok) | 5.5 | 5.9 | 6.3 | 6.6 |
| Penggunaan | 5.4 | 4.8 | 5.2 | 6.6 |
| *Sektor swasta* | *5.2* | *6.4* | *6.5* | *6.7* |
| *Sektor awam* | *6.8* | *0.1* | *0.5* | *6.1* |
| Pembentukan Modal Tetap Kasar | *5.8* | *10.0* | *9.8* | *6.5* |
| Eksport Bersih | -15.1 | -19.2 | -25.7 | -24.2 |
| *Eksport Barangan dan Perkhidmatan* | *19.1* | *1.7* | *9.9* | *3.7* |
| *Import Barangan dan Perkhidmatan* | *27.8* | *3.5* | *15.1* | *8.4* |
| **KDNK** | **10.1** | **4.8** | **7.2** | **4.6** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Penggunaan awam** meningkat sebanyak 6.1% (S4 10: 0.1%) disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

**Pembentukan modal tetap kasar** berkembang sebanyak 6.5% (S4 10: 10%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta. Pelaburan sektor swasta disokong oleh pengembangan dalam pengeluaran seperti dicerminkan oleh kadar penggunaan kapasiti yang tinggi dalam sektor perkilangan dan pelaksanaan berterusan projek pelaburan modal yang dirancang. Penunjuk pelaburan utama seperti jualan kenderaan perdagangan dan pemberian pinjaman bank kepada sektor perniagaan mencatat prestasi kukuh lantas menunjukkan pengembangan aktiviti perbelanjaan perniagaan. Yang penting, sentimen perniagaan bertambah baik pada suku pertama seperti ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang melebihi tahap penanda aras 100 mata (113.3 mata; S4 10: 99.5 mata). Perbelanjaan modal sektor awam disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan perindustrian.

**Perniagaan dan Pengguna Terus Optimistik**




Sumber: MIER

**KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)**

| | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | |
| Pertanian | 7.2 | -3.9 | 2.1 | -0.3 |
| Perlombongan | 1.0 | -1.2 | 0.2 | -3.0 |
| Perkilangan | 17.1 | 6.2 | 11.4 | 5.4 |
| Pembinaan | 8.6 | 5.6 | 5.1 | 3.8 |
| Perkhidmatan | 8.6 | 6.1 | 6.8 | 5.9 |
| **KDNK Benar (Perubahan Tahunan)** | **10.1** | **4.8** | **7.2** | **4.6** |
| **KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)** | **-2.9** | **1.7** | **7.2** | **-3.1** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Pertumbuhan sederhana dalam kebanyakan sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi utama mencatat pengembangan berterusan pada suku pertama 2011. Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** adalah mampan, disokong oleh keadaan permintaan dalam negeri dan luar negeri yang menggalakkan. Pertumbuhan dalam **sektor perkilangan** disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport dan prestasi yang mampan dalam beberapa industri berorientasikan dalam negeri. Sementara itu, sektor utama mengalami penguncupan yang lebih kecil pada suku pertama, mencerminkan kemerosotan pengeluaran akibat faktor-faktor berkaitan dengan penawaran.

## Pertumbuhan mampan dalam sektor perkhidmatan

**Sektor perkhidmatan** mencatat pertumbuhan sebanyak 5.9% pada suku pertama (S4 10: 6.1%). Pertumbuhan dalam kebanyakan subsektor kekal menggalakkan selaras dengan keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang terus bertambah baik. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar pertumbuhan dengan sumbangan sebanyak 3.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan.

Subsektor **kewangan dan insurans** terus berkembang sebanyak 6.8% (S4 10: 3.7%), berikutan pertumbuhan berterusan dalam pemberian pinjaman bank dan peningkatan dalam pendapatan berasaskan fi. Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 8.7%, disokong oleh aktiviti berkaitan dengan pasaran modal dan peningkatan berterusan dalam urus niaga harta tanah pada suku tersebut.

Subsektor **perdagangan borong dan runcit** mencatat pertumbuhan sebanyak 6.8% (S4 10: 8.3%) dengan pengembangan dalam jualan runcit dan kenderaan bermotor, hasil daripada sentimen pengguna yang positif dan perbelanjaan isi rumah yang mampan. Subsektor **penginapan dan restoran** berkembang sebanyak 4% (S4 10: 3.7%) berikutan cuti perayaan.

Subsektor **komunikasi** terus mencatat pertumbuhan sebanyak 6.5% (S4 10: 9.8%) dalam keadaan permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan data mudah alih dan jalur lebar, manakala subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** meningkat sebanyak 4.3% (S4 10: 5.2%) disokong terutamanya oleh permintaan lebih tinggi terhadap perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo, selaras dengan peningkatan dalam jumlah perdagangan.

## Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

| | Bahagian 2010 (%) | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|
| | | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | |
| **Perkhidmatan Pengantara** | **43.7** | **8.7** | **6.0** | **7.3** | **6.8** |
| Kewangan & insurans | 20.3 | 7.1 | 3.7 | 6.4 | 6.8 |
| Harta tanah & perkhidmatan perniagaan | 9.5 | 14.2 | 8.7 | 7.8 | 8.7 |
| Pengangkutan & penyimpanan | 6.6 | 8.1 | 5.2 | 6.9 | 4.3 |
| Komunikasi | 7.4 | 6.7 | 9.8 | 8.5 | 6.5 |
| **Perkhidmatan Akhir** | **56.3** | **8.5** | **6.3** | **6.4** | **5.1** |
| Perdagangan borong & runcit | 23.6 | 9.7 | 8.3 | 8.0 | 6.8 |
| Penginapan & restoran | 4.2 | 5.5 | 3.7 | 5.0 | 4.0 |
| Utiliti | 5.2 | 16.8 | 4.2 | 8.2 | 0.4 |
| Perkhidmatan Kerajaan | 13.0 | 7.6 | 6.1 | 5.8 | 5.3 |
| Perkhidmatan lain | 10.2 | 4.7 | 3.9 | 4.0 | 3.9 |
| **Jumlah Perkhidmatan** | **100.0** | **8.6** | **6.1** | **6.8** | **5.9** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

| | 2010 | | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|
| | S1 | S2 | S3 | S4 | S1 |
| | Indeks | | | | |
| Indeks Sentimen Pengguna MIER | 114.2 | 110.4 | 115.8 | 117.2 | 108.2 |
| Indeks Perdagangan Runcit MIER | 106.9 | 134.1 | 140.0 | 132.0 | 99.1 |
| Indeks Pasaran Pelancongan MIER | 120.5 | 118.2 | 118.8 | 124.6 | 113.1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Ketibaan pelancong | 5.3 | 3.9 | 5.6 | 1.2 | -3.7 |
| Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang | 20.3 | 14.1 | 10.0 | 6.3 | 11.8 |
| Jumlah kredit penggunaan terkumpul | 9.5 | 10.6 | 10.7 | 9.8 | 9.5 |
| Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran | 4.5 | 8.6 | 7.3 | 7.5 | 7.2 |
| Import barangan penggunaan | 18.5 | 13.3 | 3.2 | 6.9 | 5.3 |
| Jumlah jualan kenderaan bermotor | 22.7 | 17.4 | 3.7 | 9.3 | 7.5 |
| Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP) | 22.5 | 21.3 | 10.9 | 9.6 | 14.4 |

Sumber: Pelbagai sumber

## Pertumbuhan sederhana dalam sektor perkilangan

Nilai ditambah sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.4% pada suku pertama (S4 10: 6.2%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport dan prestasi beberapa industri berorientasikan dalam negeri yang mampan.

**Industri berorientasikan eksport** berkembang sebanyak 4.8% pada suku pertama (S4 10: 4.6%) didorong oleh prestasi kelompok keluaran berasaskan sumber yang teguh, terutamanya segmen petroleum dan keluaran getah. Namun, pengeluaran kelompok E&E menguncup (-6.1%; S4 10: 0.1%), terutamanya disebabkan oleh kemerosotan berterusan dalam pengeluaran komputer peribadi serta peralatan dan separa konduktor.

**Industri berorientasikan dalam negeri** berkembang pada kadar lebih sederhana (8.6%; S4 10: 13.6%), terutamanya disokong oleh pertumbuhan kelompok berkaitan pembinaan (22.3%; S4 10: 22.2%), khususnya segmen keluaran logam yang direka dan keluaran galian bukan logam memandangkan kedua-dua industri ini terus mendapat manfaat daripada aktiviti pembinaan dalam negeri.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana sedikit pada suku pertama (79%; S4 10: 80%) mencerminkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan dalam sektor ini. Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 80% dan 76% daripada jumlah kapasiti (S4 10: masing-masing 82% dan 75%)

### Prestasi Sektor Perkilangan

| | 2009 | | | 2010 |
|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | Perubahan Tahunan (%) | | | |
| **Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)** | **17.1** | **6.2** | **11.4** | **5.4** |
| **Pengeluaran Keseluruhan[1]** | **15.3** | **6.6** | **11.1** | **5.7** |
| **Industri berorientasikan eksport** | **14.5** | **4.6** | **9.7** | **4.8** |
| **Kelompok elektronik dan barangan elektrik** | **36.0** | **0.1** | **17.4** | **-6.1** |
| *Antaranya:* | | | | |
| Elektronik | 24.0 | -16.5 | 3.2 | -19.3 |
| Barangan elektrik | 65.0 | 34.7 | 47.4 | 17.7 |
| **Kelompok keluaran berkaitan sumber** | **4.5** | **7.2** | **5.7** | **11.4** |
| *Antaranya:* | | | | |
| Bahan kimia dan keluaran kimia | 24.7 | 4.7 | 11.5 | 5.5 |
| Keluaran petroleum | -22.1 | 16.3 | -2.4 | 26.1 |
| Keluaran getah | 37.8 | 12.7 | 20.8 | 13.5 |
| Pemprosesan di luar estet | 4.3 | -14.1 | -2.3 | -7.4 |
| **Industri berorientasikan pasaran dalam negeri** | **18.1** | **13.6** | **15.6** | **8.6** |
| **Kelompok keluaran berkaitan pembinaan** | **21.8** | **22.2** | **18.9** | **22.3** |
| *Antaranya:* | | | | |
| Keluaran berkaitan pembinaan | 27.2 | 20.4 | 21.9 | 15.0 |
| Keluaran logam yang direka | 14.9 | 24.7 | 15.0 | 32.8 |
| **Kelompok keluaran berkaitan pengguna** | **15.6** | **7.6** | **13.4** | **-1.0** |
| *Antaranya:* | | | | |
| Kelengkapan pengangkutan | 40.5 | 20.8 | 29.7 | -4.5 |
| Makanan, minuman & keluaran tembakau | 2.5 | 9.3 | 8.8 | 6.2 |

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*




* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

## Penguncupan lebih perlahan dalam sektor utama

Sektor utama mengalami penguncupan yang lebih perlahan pada suku tersebut berbanding dengan suku keempat. Nilai ditambah dalam **sektor pertanian** menguncup sebanyak 0.3% pada suku pertama (S4 10: -3.9%), mencerminkan penurunan keluaran minyak sawit akibat hujan yang luar biasa lebatnya telah mengurangkan aktiviti kutipan hasil. Walau bagaimanapun, pengeluaran tanaman makanan kekal kukuh pada suku pertama. **Sektor perlombongan** menguncup sebanyak 3% (S4 10: -1.2%), mencerminkan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pengurusan reservoir dan kerja-kerja penyelenggaraan di medan minyak terpilih.

**Prestasi Sektor Pertanian**

| | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | |
| **Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)** | **7.2** | **-3.9** | **2.1** | **-0.3** |
| **Tanaman Industri** | **8.3** | **-10.2** | **-2.3** | **-8.4** |
| **Tanaman Makanan** | **6.6** | **4.9** | **7.9** | **8.9** |
| **Pengeluaran** | | | | |
| *Antaranya:* | | | | |
| Minyak sawit mentah | 1.9 | -15.1 | -3.3 | -7.7 |
| Getah | 34.6 | 6.1 | 9.6 | 2.1 |
| Ikan | -2.5 | 2.4 | 2.7 | 2.0 |
| Ternakan | 7.5 | -2.2 | 2.4 | -8.2[1] |

[1] Jan-Feb 2011

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

**Prestasi Sektor Perlombongan**

| | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | |
| **Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)** | **1.0** | **-1.2** | **0.2** | **-3.0** |
| **Pengeluaran** | | | | |
| *Antaranya:* | | | | |
| Minyak mentah dan kondensat | -2.0 | -3.4 | -3.5 | -6.2 |
| Gas asli | 2.5 | 2.0 | 4.4 | 1.0 |

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

## Pertumbuhan sederhana dalam sektor pembinaan

**Sektor pembinaan** berkembang sebanyak 3.8% pada suku pertama (S4 10: 5.6%), disokong oleh pertumbuhan berterusan merentas semua subsektor. Pembinaan ruang pejabat dan ruang runcit yang berterusan menyokong aktiviti dalam subsektor bukan kediaman, manakala pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam mencerminkan kemajuan selanjutnya dalam pelaksanaan projek infrastruktur, termasuk permulaan projek sambungan LRT. Subsektor kediaman terus berkembang berikutan sentimen pengguna dan perniagaan yang positif, serta akses yang berterusan kepada pembiayaan.

**Penunjuk bagi Sektor Pembinaan**

| | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | |
| Permit jualan dan pengiklanan baharu | 32.0 | 13.0 | 16.0 | 25.1 |
| Kelulusan perumahan | 13.9 | 31.7 | 23.6 | 31.6 |
| Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan | 21.8 | 22.2 | 18.9 | 22.3 |
| Kelulusan pinjaman untuk pembinaan | 40.5 | 49.7 | 53.6 | 29.3 |
| Import bahan pembinaan dan bahan galian | 54.2 | 23.1 | 27.9 | -2.3[2] |

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Jan-Feb 2011

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Inflasi meningkat pada suku pertama

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat pada kadar tahunan 2.8% pada suku pertama 2011 (S4 10: 2.0%). Kenaikan harga pengguna sebahagian besarnya didorong oleh kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*, yang meningkat sebanyak 4.3% (S4 10: 2.9%). Kenaikan harga makanan adalah disebabkan oleh peningkatan sebanyak 12.4% (S4 10: 7.7%) dalam subkategori *sayur-sayuran* yang sebahagiannya disebabkan oleh keadaan cuaca buruk di dalam negeri. Harga dalam kategori *pengangkutan* turut mencatat kenaikan sebanyak 4.4% (S4 10: 2.5%) pada

**Sumbangan kepada Inflasi**




Sumber: Bank Negara Malaysia

suku tersebut disebabkan oleh pelarasan menaik terhadap harga RON97 pada bulan Januari dan Februari susulan harga minyak mentah global yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan harga ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut dan komunikasi.*

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 7.4% pada suku pertama 2011 (S4 10: 4.8%). Harga dalam komponen berkaitan komoditi adalah lebih tinggi pada 19.5% (S4 10: 13.0%) dan harga dalam komponen IHPR bukan berkaitan komoditi turut mencatat kenaikan lebih tinggi pada 1.7% (S4 10: 1.1%). Dari segi komposisi, harga komponen IHPR yang diimport mencatat kenaikan sebanyak 1.8% (S4 10: 1.1%) manakala harga komponen IHPR tempatan meningkat sebanyak 9.9% (S4 10: 6.6%).

## Keadaan pasaran pekerja mampan

Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhan kekal positif pada suku pertama. Meskipun jumlah pemberhentian pekerja secara relatif lebih tinggi, jumlah kekosongan jawatan meningkat dengan ketara manakala kadar pengangguran keseluruhan secara relatif tidak berubah pada dua bulan pertama dalam suku tersebut. Jumlah pemberhentian pekerja bertambah kepada 2,621 orang (S4 10: 1,761 orang), disebabkan terutamanya oleh jumlah pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan yang lebih tinggi khususnya pada bulan Mac. Pertambahan bilangan pemberhentian pekerja adalah terutamanya dalam industri kayu, getah dan plastik yang secara kolektif mencakupi kira-kira 60% daripada jumlah pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan mencatat jumlah pemberhentian pekerja yang lebih kecil.

**Keadaan Pasaran Pekerja**




Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Permintaan guna tenaga merentas semua sektor ekonomi, kecuali sektor perlombongan, menjadi lebih kukuh pada suku pertama. Jumlah jawatan kosong di Portal JobsMalaysia meningkat dengan ketara (568,717 jawatan; S4 10: 393,408 jawatan), berikutan jawatan kosong yang lebih banyak terutamanya dalam subsektor utiliti, kewangan dan perkhidmatan perniagaan. Sejajar dengan perkembangan ini, kadar pengangguran purata tidak berubah pada 3.2%.

## Aktiviti perdagangan luar negeri bertambah baik

**Lebihan perdagangan** meningkat kepada RM36.1 bilion pada suku pertama tahun 2011 (S4 10: RM25.5 bilion). Eksport kasar terus meningkat sebanyak 7.5% (S4 10: 3.4%), mencerminkan pengembangan dalam semua sektor eksport utama. Import kasar juga terus meningkat sebanyak 12.4% (S4 10: 10.1%), didorong terutamanya oleh import barangan pengantara.

Pertumbuhan **eksport kasar** yang menyeluruh mencerminkan pemulihan dalam **eksport perkilangan** (3%; S4 10: -0.4%), yang didorong oleh permintaan luar yang lebih kukuh untuk keluaran elektronik, terutamanya semikonduktor. Pertumbuhan yang berterusan dalam eksport keluaran bukan E&E adalah disebabkan oleh permintaan serantau yang lebih tinggi untuk jentera, peralatan dan alat ganti, kelengkapan optik dan saintifik serta keluaran berasaskan sumber. **Eksport komoditi** terus mencatat pertumbuhan kukuh, memperoleh manfaat daripada harga yang lebih tinggi bagi sebahagian besar komoditi dan permintaan yang berterusan daripada rantau ini.

**Import kasar** mencatat pertumbuhan lebih kukuh disebabkan oleh import barangan pengantara yang lebih tinggi, seiring dengan peningkatan dalam eksport perkilangan. Import barangan modal dan barangan pengguna terus meningkat dalam keadaan sentimen perniagaan dan pengguna yang positif dalam ekonomi dalam negeri.

### Prestasi Perdagangan Luar Negeri




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Akaun Perdagangan

| | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | |
| **Eksport Kasar** | **34.5** | **3.4** | **15.7** | **7.5** |
| Perkilangan | 33.2 | -0.4 | 12.0 | 3.0 |
| *E&E* | *36.3* | *-8.0* | *9.7* | *-0.8* |
| *Bukan E&E* | *29.6* | *9.9* | *15.0* | *7.4* |
| Komoditi | 40.0 | 15.9 | 26.8 | 20.1 |
| *Pertanian* | *45.8* | *33.1* | *29.5* | *25.1* |
| *Mineral* | *36.3* | *5.0* | *25.0* | *16.7* |
| **Import Kasar** | **35.6** | **10.1** | **21.7** | **12.4** |
| Barangan modal | 9.7 | 9.4 | 16.2 | 9.3 |
| Barangan pengantara | 37.9 | 10.5 | 22.1 | 13.2 |
| Barangan penggunaan | 18.5 | 6.9 | 10.1 | 5.3 |
| **Imbangan perdagangan (RM bilion)** | **38.9** | **25.5** | **110.2** | **36.1** |

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

### Pertumbuhan Import




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Malaysia: Destinasi Eksport**

| | 2010 | | | 2011 | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | Bahagian daripada jumlah eksport (%) | | | |
| **Amerika Syarikat** | **10.8** | **-11.0** | **0.2** | **-6.6** | **9.4** | **9.1** | **9.5** | **8.2** |
| **Kesatuan Eropah (EU)** | **29.1** | **0.3** | **14.3** | **6.3** | **10.6** | **10.8** | **10.7** | **10.5** |
| **Negara ASEAN terpilih[1]** | **39.1** | **1.9** | **14.0** | **-0.2** | **25.9** | **25.3** | **25.1** | **24.0** |
| **Timur Laut Asia** | **57.1** | **1.6** | **20.0** | **9.7** | **25.1** | **24.3** | **24.6** | **25.6** |
| *Republik Rakyat China* | *67.8* | *0.0* | *19.7* | *9.4* | *13.1* | *12.4* | *12.6* | *13.3* |
| *Hong Kong SAR* | *36.8* | *-0.7* | *11.8* | *10.0* | *4.9* | *5.0* | *5.1* | *5.0* |
| *China Taipei* | *76.4* | *30.6* | *39.0* | *18.0* | *2.8* | *3.3* | *3.2* | *3.1* |
| *Korea* | *43.5* | *-8.8* | *19.1* | *4.9* | *4.3* | *3.6* | *3.8* | *4.2* |
| **Asia Barat** | **17.0** | **11.0** | **4.0** | **17.6** | **3.3** | **3.7** | **3.5** | **3.6** |
| **India** | **21.3** | **20.2** | **21.1** | **37.7** | **3.3** | **3.3** | **3.3** | **4.2** |
| **Jumlah eksport** | **34.5** | **3.4** | **15.7** | **7.5** | **100.0** | **100.0** | **100.0** | **100.0** |

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## FDI menjadi sederhana manakala pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI)* berjumlah RM7.8 bilion pada suku pertama selepas mencatat jumlah yang amat besar sebanyak RM13 bilion pada suku keempat tahun 2010. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih juga lebih rendah pada RM4.6 bilion (S4 10: +RM8.6 bilion). Aliran masuk kasar FDI adalah menyeluruh, dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan. Dalam sektor perkilangan, sebahagian besar daripada aliran masuk disalurkan ke dalam industri elektrik dan elektronik serta industri berkaitan petroleum. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya kepada syarikat dalam subsektor kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan perdagangan borong dan runcit.

**Pelaburan langsung luar negeri** (direct investment abroad, DIA)* oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM3.8 bilion pada suku pertama (S4 10: -RM3.9 bilion), mencerminkan terutamanya aliran keluar modal ekuiti yang lebih rendah, yang lebih daripada mengimbangi pemberian pinjaman bersih antara syarikat yang lebih besar yang diberikan kepada syarikat subsidiari di luar negeri. Sebahagian besar pelaburan dibuat oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan dan komunikasi. Pelaburan yang besar turut dibuat dalam sektor minyak dan gas, dan sektor perkilangan.

**Pelaburan portfolio** mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM4.7 bilion pada suku pertama (S4 10: +RM3.3 bilion). Aliran masuk yang lebih besar ini mencerminkan penyertaan asing yang amat menggalakkan dalam pasaran modal dalam negeri, terutamanya pasaran hutang. Meskipun terdapat kebimbangan tentang ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan Afrika serta kesan buruk bencana alam di Jepun baru-baru ini, aliran masuk dana portfolio asing terus disokong oleh prospek pertumbuhan positif dalam ekonomi Malaysia dalam keadaan ringgit terus bertambah kukuh. Perkembangan ini juga secara amnya dialami oleh ekonomi lain di rantau Asia.

*Statistik bagi FDI dan DIA pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan

## Hutang luar negeri kekal terurus

**Jumlah hutang luar negeri** Malaysia ialah RM233.4 bilion atau USD77.1 bilion pada akhir bulan Mac 2011 (akhir bulan Disember 2010: RM227.1 bilion atau USD72.8 bilion), bersamaan dengan 29% daripada PNK.

**Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** menjadi sederhana kepada RM142.4 bilion (akhir bulan Disember 2010: RM147.7 bilion), mencerminkan terutamanya kedudukan pembayaran balik bersih dalam sektor awam, sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran balik beberapa peminjaman besar oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan. Walau bagaimanapun, hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang sektor swasta mencatat peningkatan yang sedikit pada suku tersebut, mencerminkan terutamanya peminjaman yang lebih tinggi dalam sektor perbankan.

Pada akhir bulan Mac 2011, **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM91 bilion atau USD30.1 bilion (akhir bulan Disember 2010: RM79.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 39% daripada jumlah hutang luar negeri. Paras rizab antarabangsa terkini pada 29 April 2011 mampu membiayai 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

## Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM344.5 bilion (bersamaan dengan USD113.8 bilion) pada 31 Mac 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 29 April 2011, kedudukan rizab berjumlah RM393.2 bilion (bersamaan dengan USD130 bilion), memadai untuk membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

**Hutang Luar Negeri Terkumpul**

| | 2010 | | 2011 |
|---|---|---|---|
| | akhir-Mac | akhir-Dis | akhir-Mac[a] |
| | RM bilion | | |
| Hutang jangka sederhana dan panjang | 147.2 | 147.7 | 142.4 |
| Sektor awam | 80.9 | 83.3 | 77.2 |
| Sektor swasta | 66.3 | 64.3 | 65.1 |
| Hutang jangka pendek[1] | 72.1 | 79.4 | 91.0 |
| **Jumlah hutang luar negeri** | **219.3** | **227.1** | **233.4** |
| bersamaan USD bilion | 66.4 | 72.8 | 77.1 |
| Hutang Luar Negeri Terkumpul/ PNK (%) | 29.6 | 30.7 | 29.0 |
| Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali) | 4.3 | 4.1 | 4.3[2] |

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Rizab antarabangsa pada 29 April 2011
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

**Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)**




Sumber: Bank Negara Malaysia

## Defisit fiskal lebih rendah berikutan hasil yang lebih tinggi

Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal lebih rendah sebanyak 2.6% daripada KDNK pada suku pertama (S1 10: -5.6% daripada KNDK), disebabkan oleh pungutan hasil yang lebih tinggi terutamanya daripada cukai petroleum dan cukai pendapatan korporat. Jumlah perbelanjaan meningkat dengan sederhana sebanyak 15%, sebahagian besarnya disumbang oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Peningkatan ini disebabkan oleh pembayaran yang lebih tinggi untuk khidmat bayaran hutang dan pencen. Defisit dibiayai melalui sumber dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2011, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM430.2 bilion atau 51.8% daripada KDNK.

**Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]**

| | 2010 | | | 2011 |
|---|---|---|---|---|
| | S1 | S4 | Tahun | S1 |
| | RM bilion | | | |
| Hasil | 28.7 | 45.8 | 159.7 | 39.8 |
| % pertumbuhan | -19.9 | 7.6 | 0.6 | 38.4 |
| Perbelanjaan mengurus | 31.9 | 44.1 | 151.6 | 38.7 |
| % pertumbuhan | -7.1 | -4.6 | -3.5 | 21.2 |
| **Akaun semasa** | **-3.2** | **1.7** | **8.0** | **1.1** |
| ***% daripada KDNK*** | ***-1.7*** | ***0.8*** | ***1.0*** | ***0.5*** |
| Perbelanjaan pembangunan kasar | 7.3 | 20.8 | 52.8 | 6.4 |
| % pertumbuhan | -11.4 | 18.6 | 6.6 | -12.0 |
| **Imbangan keseluruhan** | **-10.2** | **-18.2** | **-43.3** | **-5.2** |
| ***% daripada KDNK*** | ***-5.6*** | ***-8.9*** | ***-5.6*** | ***-2.6*** |
| ***Memo:*** | | | | |
| Jumlah perbelanjaan kasar | 39.2 | 64.9 | 204.4 | 45.1 |
| % pertumbuhan | *-8.0* | *1.8* | *-1.0* | *15.0* |
| Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh) | 378.3 | 407.1 | 407.1 | 430.2 |
| *% daripada KDNK* | *49.4* | *53.1* | *53.1* | *51.8* |
| Hutang dalam negeri | 365.6 | 390.4 | 390.4 | 414.2 |
| *% daripada KDNK* | *47.7* | *51.0* | *51.0* | *49.9* |
| Hutang luar negeri | 12.7 | 16.7 | 16.7 | 15.9 |
| *% daripada KDNK* | *1.7* | *2.2* | *2.2* | *1.9* |

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

**Kewangan Kerajaan Persekutuan**




[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan